



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

11 barangan dalam senarai harga terkawal

Putrajaya: Sebanyak 11 barangan disenaraikan sebagai harga terkawal bagi tempoh 1 hingga 7 November ini di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Deepavali yang disambut Khamis depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata 11 barangan itu ialah ayam hidup, ayam standard, ayam super, daging kambing biri-biri import bertulang, telur ayam gred A, B dan C, cili merah, tomato, kelapa biji dan kelapa parut.

"Jenis barangan yang ditentukan adalah barangan utama yang diperlukan ketika sambu-

tan perayaan Deepavali.

"Semua barangan ini mendapat permintaan tinggi oleh masyarakat yang menyambutnya, oleh itu kawalan harga dibuat ke atas barangan ini bagi menstabilkan harga dan bekalannya di pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan SHMMP Deepavali 2021 secara maya di sini, semalam.

Nanta berkata, tempoh pelaksanaan selama tujuh hari itu bersesuaian mengikut keadaan semasa dan

mendatangkan suasana 'menang-menang' kepada pengguna dan peniaga.



Alexander Nanta Linggi

"Pengguna dapat menikmati harga berpatutan dan peniaga pula tidak tertekan dengan tempoh masa pelaksanaan yang terlampau lama," katanya.

Nanta berkata, pelaksanaan skim itu dibuat dengan beberapa penyesuaian tempoh masa dan barangan untuk memberi ruang kepada peniaga bagi memulihkan perniagaan selepas melalui Perintah Kawalan Pergerakan tanpa menjejaskan kepentingan pengguna

ataupun peniaga.

"Pelaksanaan kawalan harga maksimum ini tertumpu untuk memastikan harga barangan terpilih pada peringkat pasar basah dan peniaga kecil terkawal kerana menjadi tumpuan pengguna berbelanja pada musim perayaan.

"Peringkat pasar raya besar harga kebiasaannya lebih terkawal kerana 'economies of scale' dan model perniagaan serta persaingan yang berbeza," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, harga maksimum pengeluar, borong dan runcit ditentukan untuk barangan berkenaan bagi 91 daerah di Semenanjung, 27 daerah di Sabah dan satu daerah di Wilayah Persekutuan Labuan.

BERNAMA



AYAM merupakan salah satu daripada 11 barangan kawalan yang ditetapkan kerajaan sempena sambutan Deepavali tahun ini. – GAMBAR HIASAN

Kawal harga 11 barangan sempena sambutan Deepavali

PUTRAJAYA – Ayam, daging dan telur merupakan antara 11 barangan yang disenaraikan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2021 berkuat kuasa dari 1 hingga 7 November depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia bagi menstabilkan harga barangan keperluan menjelang sambutan Deepavali pada 4 November ini.

Katanya, ia juga mewujudkan situasi menang-menang di mana

pengguna dapat harga patut dan peniaga tidak tertekan.

"Antara barangan itu termasuk ayam hidup, standard dan super, daging kambing biri-biri, kambing, telur gred A, B dan C, tomato, kelapa biji dan parut.

"Ia adalah barangan yang diperlukan dan mendapat permintaan tinggi ketika sambutan Deepavali. Harga itu ditentukan bagi 91 daerah di Semenanjung, Sabah (27), Labuan (1), Kuching, Sibu, Miri dan Bintulu," katanya pada sidang akhbar secara maya semalam.

Tambahnya, penentuan harga barangan bagi negeri mengikut kesesuaian harga pasaran semasa.

Menurut Alexander, peniaga yang gagal mematuhi peraturan itu akan dikenakan tindakan denda RM100,000 atau penjara tiga tahun jika sabit kesalahan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan penalti.

"Peniaga juga perlu memamerkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan terkawal dan boleh diambil tindakan jika enggan berbuat demikian," katanya.

Price control list for Deepavali

Ministry introduces scheme for goods in high demand during festivities

KUALA LUMPUR: Eleven food items including chicken and imported mutton have been put on the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry's price control list for the Deepavali festivities.

Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the price control scheme would take effect from Nov 1 to Nov 7, a duration which the ministry felt would benefit all.

"The ministry has identified 11 types of goods for the implementation of the 2021 Deepavali maximum price scheme," he said.

"The goods specified are in high demand by those celebrating Deepavali, so it is important to impose a price control on these goods to stabilise the prices and supply on the market."

This year, Deepavali will be celebrated on Nov 4. The implementation period of the scheme was most suitable based on the current situation and would be a win-win for both consumers and traders, he said.

"Consumers are able to enjoy affordable prices while traders are not stressed by a lengthy price control period," said Nanta during a press conference here at the launch of the price control scheme.

Among the items on the list are live chicken, standard chicken, super chicken, imported bone-in mutton, chicken eggs, red chillies, tomatoes and coconuts.

The price control scheme will take effect in 91 districts in Peninsular Malaysia, 27 districts in Sabah and one in Labuan.

As for Sarawak, the scheme would only be



implemented in Kuching, Sibul, Miri and Bintulu districts where there are a notable number of people from the Indian community who celebrated Deepavali.

In the peninsula (except Langkawi), the maximum retail price for standard chicken is RM9.50 per kg while super chicken is at RM10.50 per kg.

The ceiling price for local bone-in mutton is RM36 per kg for the entire peninsula.

The pricing of goods in different states varied and was made according to the current market price, currency exchange rate and increased utility costs for farmers.

Nanta said his ministry would team up with the Agriculture and Food Industries Ministry to monitor the situation on the ground, and ensure adequate supply of goods and prices remained reasonable.

He added that action would be taken against traders under the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011 if they failed to comply with the regulations under the scheme.

Kawalan harga atau harga terkawal?

PETALING JAYA: Setiap kali menjelangnya musim perayaan utama di negara ini, pasti akan ada pengumuman Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

SHMMP akan menyenaraikan senarai barangan yang dikawal, harga maksimum yang diwartakan dan jangka masa pelaksanaan.

Pengguna dan peniaga akan temanti-nanti apakah barangan yang tersenarai dan berapakah harga maksimum bagi setiap barang tersebut. Pengguna mungkin suka tetapi tidak kepada peniaga.

Pemimpin politik pula terutama pembangkang hanya melihat dari sudut bilangan barangan yang dikawal dan berapa hari pelaksanaannya. Ia kemudiannya dijadikan isu seolah-olah bilangan barang, harga kawalan dan hari pelaksanaan menjadi kayu ukur dan tentunya mengelirukan pengguna.

Sebenarnya bilangan barangan dan harga semasa kawalan tidak penting. Yang utama ialah kesannya kepada pengguna terutama selepas pelaksanaan skim tersebut.



TELUR ayam antara barangan yang kerap mengalami turun naik menjelang musim perayaan utama di negara ini. - GAMBAR HIASAN

Kerajaan sekarang merasakan kita perlu lihat isu ini dengan lebih teliti supaya pengguna dan peniaga tidak

tertekan.
 Ada dalam kalangan peniaga akan mengambil kesempatan

menaikkan harga sebelum supaya harga kawalan semasa SHMMP berpihak kepada mereka. Akan ada pula peniaga yang akan simpan stok dan menjualnya lepas SHMMP dengan harga yang tinggi kerana hendak menampung kerugian yang dialami sebelum ini.

Mengikuti data sejak 2010, bilangan tertinggi barangan yang disenaraikan dalam sesuatu SHMMP adalah 32 iaitu semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri pada 2021 dan jariga masa paling lama pelaksanaan SHMMP adalah 30 hari iaitu semasa Hari Raya Aidilfitri 2021 dan 2019.

Sebenarnya, yang diperlukan oleh pengguna dan peniaga adalah 'Harga terkawal' bukan 'Harga kawalan'.

Harga Kawalan ialah penetapan pada harga tertentu iaitu semua peniaga harus mematuhi pewartaan harga tersebut. Dengan sendirinya hilanglah persaingan sedangkan ia amat diperlukan untuk merancakkan pasaran dan ekonomi serta menguntungkan pengguna terutama pada waktu penawaran dan bekalan stabil.

Pengguna tidak sadar, ada premis yang selama ini menjual sesuatu barang di bawah harga maksimum akan menaikkan harga mereka ke tahap maksimum. Kenapa tidak? Harga maksimum adalah harga yang telah diwartakan dan sah dari segi undang-undang. Keuntungan mudah bagi mereka!

Jika semua peniaga menaikkan atau menurunkan ke tahap harga kawalan maksimum, pada ketika itu, pengguna sudah tidak ada pilihan. Seolah-olah terjadi kartel harga pula.

Harga Terkawal pula ialah harga sesuatu barang dalam julat yang terkawal dan seimbang mengambil kira kepentingan pengguna dan peniaga. Setiap rantalan bekalan daripada pengeluaran hingga peruncit mempunyai margin munasabah tidak mencekik darah dan natijahnya, pengguna mendapat pelbagai pilihan harga mengikut citarasa dan kemampuan mereka.

Inilah pasaran bebas yang sihat iaitu pelarasan harga mengikut pasaran berdasarkan penawaran dan permintaan.

13 pos jual petrol dibuka

KPDNHEP Kelantan bantu mudahkan penduduk di pedalaman beli bahan api mengikut harga kawalan

Oleh HAZELAN LIANA KAMARUDIN

KUALA KRAI

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan mewujudkan 13 pos menjual minyak petrol di kawasan Dabong di sini bagi memastikan rakyat di kawasan pedalaman itu menikmati bahan api pada harga kawalan.

Pengarah KPDNHEP Kelantan, Adnan Abd Rahman berkata, program yang dimulakan sejak tahun 2011 itu merupakan inisiatif kerajaan bagi memastikan rakyat di kawasan Dabong menikmati subsidi sebagaimana yang dirasakan oleh penduduk bandar.

“Stesen petrol terdekat dengan penduduk di kawasan ini adalah 50 kilometer (km) untuk perjalanan satu hala, jadi agak jauh untuk penduduk keluar mendapatkan bahan api itu.

“Kerajaan melalui KPDNHEP mengambil inisiatif mewujudkan pos ini bagi mengurangkan beban perbelanjaan penduduk di kawasan luar



Adnan (dua dari kiri) semasa turun padang melakukan pemeriksaan berkala di pos menjual minyak petrol sekitar Dabong bagi memastikan pelanggaran undang-undang tidak berlaku di kawasan tersebut.

bandar membeli bahan api,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Menurutnya, setiap hari sebanyak 4,000 liter bahan api itu akan dihantar ke semua pos yang telah dilantik sebagai pembekal kepada penduduk Dabong.

Beliau berkata, penghantaran itu bagi memastikan bekalan cukup dan rakyat dapat menikmati subsidi disediakan oleh kerajaan.

Adnan berkata, selain petrol, bahan kawalan lain turut dibekalkan menerusi program penyeragaman harga.


“Kerajaan sentiasa komited bagi memastikan rakyat di kawasan pedalaman tidak terbeban untuk mendapatkan barangan kawalan pada harga subsidi.

“Pemeriksaan berkala sentiasa dilakukan bagi memastikan pelanggaran undang-undang tidak berlaku di kawasan tersebut,” katanya.

Pos berkenaan ialah Zulmajdi (Kampung Kuala Gris), Munah (Kampung Dabong), Nor Ain (Kampung Pulau Layat), Alim (Kampung Jelawang), Sapawi (Kampung Kandek), Zulkifli (Kampung Biak), Asroha (Kampung Bukit Emas), Fauzi (Kampung Gual Chatak), Abu Nipah (Kampung Mahligai), Aslinda (Kampung Ingin Maju), Takiyudin (Kampung Slow Temiang), Khairul (Kampung Gemas Baru) dan Zulkarnain (Kampung Sungai Teku).

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM6.49
• Daging Lembu Tempatan	RM35
• Daging Lembu Import	RM15.50
• Telur Gred A	RM10.90
• Ikan Kembung	RM10.99
• Minyak Masak	RM6.50
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM2.69
• Bawang Putih	RM6.90
• Cili Merah	RM7.99
• Kubis Bulat Tempatan	RM2.99
• Tepung Gandum	RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



New fuel prices
Oct 28 - Nov 3

RON95	RM2.05 (unchanged)
RON97	RM2.97 (+10 sen)
DIESEL	RM2.15 (unchanged)

The image shows a sign for new fuel prices. It features a red circular logo with a white fuel nozzle icon. The text is in black and red. The prices are listed for RON95, RON97, and DIESEL, with their respective changes or stability noted in parentheses.